

SOALAN NO: 415

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

SOALAN:

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah pelajar yang diambil mengikuti Program-Program Teknikal dan Pengurusan di Institusi Latihan Perindustrian (LP) dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) bagi sesi 2010 hingga 2015 mengikuti bidang-bidang profesional mereka sebagai usaha menghasilkan tenaga kerja mahir menjelang 2020.**

PR-1331-T67708

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- 1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menjalankan program latihan yang ditawarkan kepada pelajar melalui 32 institusi latihan (ILJTM) yang terdiri**

daripada 1 Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), 8 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP).

2. JTM membuat pengambilan pelajar sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Julai. Jumlah **pengambilan** pelajar dari tahun 2010 hingga Januari 2014 adalah seramai 44,898 orang pelajar. Pecahan pengambilan pelajar dari tahun 2010 sehingga 2014 mengikut institusi dan bidang adalah seperti di **Lampiran 1**.